



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

8 JANUARI 2024 (ISNIN)

Dulu COO, Sekarang Bela Angsa

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	16	8 Jan

Lepas jawatan besar untuk jadi penternak berjaya di kampung

Dulu COO, sekarang bela angsa

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

TAPAH – Seorang bekas ketua pegawai operasi (COO) sebuah syarikat pembinaan bertaraf G7 sanggup meninggalkan kerjaya itu demi menceburi bidang penternakan di tanah seluas 1.5 ekar di Changkat Petai Hilir, Tapah Road di sini.

Zamri Mohd. Ramli, 56, yang mempunyai kelulusan peringkat sarjana dalam bidang pentadbiran perniagaan berkata, pendapatannya sebagai COO dahulu agak lumayan iaitu kira-kira RM20,000.

"Asalnya, saya mengambil keputusan berhenti kerja dan pulang ke kampung (Changkat Petai Hilir) kerana ingin berbakti menjaga arwah ayah, Mohd. Ramli Musa pada 2018 kerana barah prostat, namun arwah meninggal kira-kira dua tahun kemudian.

"Arwah ayah memang telah mula menceburi bidang penternakan selepas pencen dengan menternak lembu, kambing dan ayam kampung secara sara diri, jadi saya komersialkannya pada skala lebih besar," katanya.

Di ladang, Zamri sekarang telah menternak angsa, ayam kampung, ayam mutiara, ayam



ZAMRI bersama sebahagian ternakan ayam yang diusahakannya di Changkat Petai Hilir, Tapah Road, Tapah baru-baru ini.

belanda dan puyuh.

"Saya banyak mendapat tunjuk ajar dan bantuan berbentuk mesin inkubator daripada Jabatan Veterinar Perak dan Pejabat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) Daerah Batang Padang/Hilir Perak," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Zamri menjual haiwan ternakannya bermula dari telur, anak,

daging segar, beku dan perap. Lebih unik binaan rebannya agak kreatif kerana boleh diubah suai menjadi rumah sewa pada masa depan.

Kini dia boleh tersenyum bangga kerana pendapatan bersih setiap bulan ialah sekitar RM4,000 hingga RM5,000.

"Memang pendapatan ini agak kecil berbanding kerja saya dahulu, namun ibarat duit pencenlah

kerana komitmen utama seperti rumah, kereta dan kad kredit telah habis bayar.

"Empat anak saya telah bekerja, hanya tinggal seorang sahaja yang bongsu masih belajar di universiti di sebuah universiti di Amerika Syarikat. Selain itu, kami dapat berjimat kerana haiwan ternakan boleh dimakan sendiri bersama keluarga tanpa perlu dibeli," katanya.

Empat Lelaki Curi Lembu Ditahan Polis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysian Gazette	Nasional	Online	8 Jan



Dua ekor lembu yang diikat nyaris dicuri di Mempaga. Gambar : Polis Daerah Raub

KUANTAN – Tiga lelaki ditahan polis selepas gagal melarikan diri daripada dikejar sekumpulan penternak lembu pada jam 3 pagi kelmarin di Raub.

Ketua Polis Daerah Raub, Superintendan Mohd shahril Abdul Rahman berkata, satu laporan diterima pihaknya pada jam 7.48 hari yang sama.

Beliau berkata, pengadu menerima panggilan daripada seorang rakannya yang juga merupakan seorang penternak lembu meminta dia ke Jalan Utama Mempaga Lebu di tapak

Pasar Malam Mempaga pada jam 4 pagi.

“Pengadu kemudian bergegas ke lokasi terbabit dan mendapati sebuah kereta jenis Proton Wira telah terbabas di tepi jalan. Rakannya itu pula meminta agar dia memeriksa dua ekor lembu yang berada dalam kereta tersebut,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Selepas memeriksa dua lembu yang diikat di bahagian belakang kereta terbabit, pengadu kemudian mengesahkan haiwan itu

adalah miliknya.

Jelas Mohd Shahril, pengadu mengenalpasti lembu-lembu itu yang dipercayai dicuri daripada ladangnya di Ladang Krau 4 berdasarkan tanda-tanda yang terdapat di telinga lembu tersebut.

“Hasil siasatan mendapati beberapa individu dalam kalangan penternak lembu telah membuat rondaan rutin menjaga ternakan mereka di Ladang Sawit Krau sekitar jam 3 pagi hari yang sama.

‘Semasa membuat rondaan, mereka terserempak dengan sebuah kereta Wira Aeroback itu di tepi jalan dan dalam keadaan mencurigakan,” katanya.

Setelah menghampiri kereta tersebut, katanya, secara tiba-tiba ia memecut laju menghala ke Jalan Utama Mempaga-Lebu menyebabkan kumpulan penternak lembu itu mengejanya.

Bagaimanapun, kereta itu terbabas dan empat lelaki berumur lingkungan 23 tahun hingga 31 tahun berjaya ditahan polis.

Mohd shahril berkata, tiga daripada suspek telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub bagi siasatan lanjut, manakala seorang lagi dihantar ke Hospital Temerloh untuk menerima rawatan.

Hasil ujian air kencing yang dijalankan ke atas suspek mendapati dua daripada mereka positif dadah jenis Methamphetamine dan seorang lagi suspek positif dadah Amfetamin.

Ketiga-tiga suspek direman sehingga 9 Januari dan kes disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan. – [MalaysiaGazette](#)

Empat Dicekup Curi Lembu Di Raub

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo Online	Negara	Online	8 Jan



Dua ekor lembu ditemukan di dalam sebuah kereta Proton Wira Aeroback dipercayai dicuri empat suspek lelaki di Ladang Sawit Krau Empat Raub semalam. - Foto PDRM

RAUB – Empat lelaki diberkas selepas dipercayai terbabit mencuri dua ekor lembu di Ladang Sawit Krau Empat di sini.

Ketua Polis Daerah Raub, Superintenden Mohd. Shahril Abdul Rahman berkata, tangkapan itu dibuat selepas pihaknya menerima laporan yang dibuat seorang lelaki pada 6 Januari lalu.

“Dalam laporan itu, pengadu memaklumkan dia menerima panggilan daripada rakannya meminta segera pergi ke jalan utama Mempaga iaitu tapak

Pasar Malam Mempaga.

“Dia (pengadu) bergegas ke sana dan mendapati sebuah kereta Proton Wira Aeroback terbabas dan berada di tepi jalan,” katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub di sini hari ini.

Menurut Mohd Shahril, pemeriksaan mendapati terdapat dua ekor lembu milik mangsa di dalam kereta tersebut yang dicuri di Ladang Sawit Krau Empat.

Siasatan mendapati

beberapa penternak membuat rondaan pada pukul 3 pagi, 6 Januari dan ternampak kereta Proton Wira Aeroback berada di tepi jalan dalam kawasan ladang tersebut.

“Penternak menghampiri kereta tersebut , namun pemandunya memecut menghala ke Jalan Utama Mempaga-Lebu. Mereka mengejar kereta itu sebelum terbabas di tapak Pasar Malam Mempaga,” katanya.

Susulan kejadian itu, polis memberkas empat lelaki berusia 23 hingga 31 tahun. Tiga daripada mereka dibawa ke balai polis untuk siasatan, manakala seorang lagi dihantar ke Hospital Temerloh untuk menerima rawatan. Ujian air kencing mendapati dua daripada suspek positif dadah. –

[KOSMO! ONLINE](#)

Floods: Livestock Breeder Relieved Cows, Goats Safe

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Online	8 Jan

JOHOR BARU: A livestock breeder is breathing a huge sigh of relief that his cows and goats in Kampung Maju Jaya, Jalan Kempas Lama here survived the floods in the area on Sunday.

Dalhar Mohamad, 64, said that at about 10am, the flood waters rose to a high level due to the overflowing of Sungai Tebrau, thus causing his home and cowshed to be inundated with flood waters.

"The water rose swiftly to one metre (m) as my house and cowshed are only 10m from the Sungai Tebrau, but fortunately the pen for my 12 goats was not affected while part of the cowshed for 10 cows was flooded," he told reporters when met on Monday (Jan 8).

"We only gave up because we did not have time to move the cows and goats from the cowshed. Thankfully, they are all alive. However, the electrical equipment and furniture in the house have been damaged."

According to Dalhar, who has been raising the animals with

his son since 2015, the goat pen had been built higher than usual to facilitate cleaning as well as to avoid flooding.

The father of six said the floods also destroyed 200 chilli plants most of which he had been growing since three years ago.

Meanwhile, resident M Hairudin Yasin, 52, said he experienced losses of nearly RM10,000 after his house was flooded. He saw his electrical equipment such as the fridge, freezer and furniture floating in the flood waters in his house on Sunday (Jan 7).

"Fortunately, my car, motorcycle and documents as well as two cats were saved and placed on higher ground near my house," he said.

"Hopefully, this flood will not last long and the parties responsible will be able to widen the bridge and river banks to prevent the river from overflowing in the future," he added.

In the meantime, workshop assistant Azizzul Mohd Ismail, 35, said the flood incident also resulted in some goods and spare parts for motorcycles in the workshop being damaged or destroyed.

"I did not expect this area to be flooded, even though it is next to the Sungai Tebrau. It has been a long time since the water rose this high and the last time this area was flooded was in 2006," he added.

As of 3pm on Monday, the number of flood victims in Johor was at 7,458 people in 50 temporary relief centres in Kota Tinggi, Kluang, Johor Bahru, Kulai, Segamat and Pontian. - [Bernama](#)

Bachok Perintis Lembu Baka Wagyu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Edisi	Online	8 Jan



Mohamad tidak melepaskan peluang memberi ternakan lembu baka wagyu makanan semasa sesi lawatan ke projek pembiakan dan penternakan lembu baka wagyu di Kampung Seneng, Jelawat, Bachok.

BACHOK - Jajahan Bachok menjadi perintis ternakan lembu baka wagyu di negara ini apabila ia diusahakan secara intensif.

Ini dapat dilihat apabila 15 ekor lembu baka tersebut berjaya dibiakkan di ladang milik Kelfarm Sdn Bhd di Kampung Seneng, Jelawat di sini.

Menteri Pertanian dan Kerterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Malaysia bakal mempunyai ternakan lembu baka wagyu sendiri selepas Jepun, Australia dan Thailand kerana

ia mempunyai potensi yang cerah jika diusahakan secara bersungguh-sungguh serta sistematik.

"Hal ini kerana permintaan terhadap daging wagyu agak tinggi. Hotel-hotel lima bintang di Kuala Lumpur bukan semua ada menyediakan daging tersebut kerana bekalan masih belum mencukupi.

"Saya amat gembira dengan usaha yang dilakukan golongan bumiputera yang berani menceburkan diri dalam bidang ternakan yang

berprestij tinggi," katanya semasa sidang akhbar pada Isnin.

Sebelum itu beliau mengadakan lawatan ke projek pembiakan dan penternakan lembu baka wagyu di Kampung Seneng, Jelawat di sini.

Hadir sama ialah, Pengarah Eksekutif Kelfarm Sdn Bhd, Paizol Akman Awang.

Mohamad memberitahu, semua pihak termasuk agensi pusat dan negeri perlu bekerjasama dalam membantu mengembangkan lagi usaha ini.

Ujarnya, usaha itu dijalankan secara intensif di Jelawat, Bachok ini mampu berkembang dengan bantuan sains serta teknologi.

Ahli Parlimen Kota Raja berkata, hal ini kerana ternakan ini memerlukan penjagaan sepenuh masa.

"Saya yakin kalau nak korban (Hari Raya Aidiladha) lembu baka wagyu pun terutama di Kuala Lumpur, Shah Alam, Damansara dan sekitar ada yang mampu," katanya.-
[SINARHARIAN](#)

Bachok Jadi Perintis Ternakan Lembu Wagyu Di Malaysia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Edisi	Online	8 Jan



MOHAMAD Sabu berucap semasa mengadakan lawatan ke Projek Pembiakan dan Penternakan Lembu Baka Wagyu Milik Kelfram Sdn. Bhd di Kampung Senang, Jelawat, Bachok, Kelantan hari ini-UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN.

BACHOK: Jajahan Bachok menjadi perintis ternakan lembu wagyu di negara ini apabila ia diusahakan secara insentif dan bersungguh-sungguh oleh anak tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, menariknya ia diusahakan oleh golongan bumiputera.

Menurutnya, beliau amat gembira dan berbangga dengan usaha berani itu kerana bidang ternakan tersebut disifatkan sebagai berprestij tinggi.

“Saya harap semua pihak termasuk agensi pusat dan negeri perlu bekerjasama dalam membantu mengembangkan lagi usaha ini.

“Apa yang dilakukan di Jelawat ini (Kampung Senang) mampu berkembang dengan bantuan sains serta teknologi,” katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke Projek Pembiakan dan Penternakan Lembu Baka Wagyu Milik Kelfram Sdn. Bhd di Kampung Senang, Jelawat

hari ini.

Ahli Parlimen Kota Raja memberitahu, ternakan lembu itu mempunyai potensi yang besar jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

Katanya, permintaan terhadap daging wagyu agak tinggi terutama di Kuala Lumpur.

“Hotel-hotel lima bintang di Kuala Lumpur bukan semua ada menyediakan daging wagyu kerana bekalan masih belum mencukupi.

“Selain itu, saya percaya jika ada yang mahu melaksanakan ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha menggunakan lembu wagyu permintaannya ada terutama di Kuala Lumpur, Shah Alam, Damansara dan sekitarnya,” ujarnya.

Mohamad berkata, hal ini kerana kawasan tersebut ada penduduk yang mampu berbuat demikian.-[UTUSAN](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR